DRAFT
For Your Approval

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN DAGANG)

SAMAN PEMULA NO. D7-24-278- 2005

PENDAFTARAN
10 AUG 2005
DAGANG 7

Dalam Perkara:-

1. POHMAY HOLDINGS BERHAD (385360-U)
2. POHMAY CRAFT SDN BHD (101175-U) (DALAM PENERIMAAN)
3. STEAMER FURNITURE INDUSTRIES SDN BHD (219006-P)
4. POHMAY RESOURCES SDN BHD (346227-H)
5. POHMAY FURNITURE INDUSTRIES SDN BHD (202323-H)
6. DENVERANGE SDN BHD (252814-A)
7. PATENT COLLECTION SDN BHD (323642-P)
8. DECORPLUS SDN BHD (192184-X)
9. HOMELINE MARKETING SDN BHD (436227-V)
10. NATUREST INDUSTRIES SDN BHD (382544-A)
11. POHMAY CONTRACT FURNISHING SDN BHD (499617-U)
12. POHMAY DEVELOPMENT SDN BHD (499600-X) (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI POHMAY EAST MALAYSIA SDN BHD)
13. CALAMUS PLANTATION SDN BHD (377130-K)
14. CALAMUS BUKIT KUAMAS SDN BHD (377131-U)

Dan

Dalam Perkara cadangan rancangan penyusunan dan permohonan untuk menghalang prosiding terhadap Syarikat-Syarikat menurut Seksyen 176(10) Akta Syarikat 1965

Dan

Dalam Perkara Seksyen 176 dan Seksyen-Seksyen Lain Akta Syarikat 1965

1. POHMAY HOLDINGS BERHAD (385360-U)
2. POHMAY CRAFT SDN BHD (101175-U)
   (DALAM PENERIMAAN)
3. STEAMER FURNITURE INDUSTRIES SDN BHD (219006-P)
4. POHMAY RESOURCES SDN BHD (346227-H)
5. POHMAY FURNITURE INDUSTRIES SDN BHD (202323-H)
6. DENVERANGE SDN BHD (252814-A)
7. PATENT COLLECTION SDN BHD (323642-P)
8. DECORPLUS SDN BHD (192184-X)
9. HOMELINE MARKETING SDN BHD (436227-V)
10. NATUREST INDUSTRIES SDN BHD (382544-A)
11. POHMAY CONTRACT FURNISHING SDN BHD (499617-U)
12. POHMAY DEVELOPMENT SDN BHD (499600-X)
    (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI
    POHMAY EAST MALAYSIA SDN BHD)
13. CALAMUS PLANTATION SDN BHD (377130-K) ... PEMOHON -
14. CALAMUS BUKIT KUAMAS SDN BHD (377131-U) ... PEMOHON

DI HADAPAN YANG ARIF HAKIM DATO' T. SELVENTHIRANATHAN

PADA 10 HARIBULAN OGOS 2005 **DALAM KAMAR**

PERINTAH

ATAS PERMOHONAN Pemohon-Pemohon yang tersebut diatas DAN SETELAH MEMBACA Saman Pemula (Ex-Parte) bertarikh 29 haribulan Julai 2005, Afidavit Sokongan Lee Ping Hai yang diikrarkan pada 29 haribulan Julai 2005 dan Afidavit Lanjutan Chan Kok Weng yang diikrarkan pada 9 haribulan Ogos 2005 ~~dan Penghujahan Ringkas Pemohon-Pemohon bertarikh 9 haribulan Ogos 2005~~, kesemuanya difailkan disini DAN SETELAH MENDENGAR Encik C. Soosay Nathan dan Cik Harjinder Kaur bersamanya, peguam cara bagi pihak Pemohon-Pemohon MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa :-

1. Pemohon-Pemohon diberi kebenaran untuk mengadakan mesyuarat dengan pemiutang-pemiutangnya dan diberi kebenaran untuk mengadakan satu mesyuarat dengan pemegang-pemegang saham bagi tujuan untuk menimbang dan kalau di anggap sesuai bersetuju dengan dan tanpa pengubahsuaian Skim Komposit Penyusunan ("Mesyuarat Mahkamah") yang dicadangkan untuk dibuat antara Pemohon-pemohon dan pemiutang-pemiutang seperti yang ditakrifkan dalam Skim Komposit Penyusunan di bawah Seksyen 176 Akta Syarikat 1965 di dalam masa 45 hari dari tarikh perintah;

2. Menurut Seksyen 176 (10) Akta Syarikat 1965:-

   i. Pempetisyen-pempetisyen, Plantif-plantif, Perkerja-pekerja atau Agen-agen mereka bagi tindakan-tindakan atau tindakan-tindakan undang-undang terhadap Pemohon-pemohon yang diumumkan dengan kursusnya di "Eksibit "H" (senarai pemiutang-pemiutang bercagar dan tidak bercagar) kepada Afidavit Lee Ping Hai yang diikrarkan pada 29hb Julai 2005; dan/atau

   ii. mana-mana pemiutang-pemiutang Pemohon-Pemohon, Pekerja-pekerja atau Agen-agen mereka;

adalah dihalang dan digantung kecuali dengan keizinan Mahkamah Yang Mulia ini dan berpandukan kepada terma-terma yang ditetapkan oleh Mahkamah, daripada sebarang tindakan selanjutnya atau prosiding-prosiding selanjutnya; tambahan lagi, apa-apa prosiding yang diingini atau prosiding-prosiding selanjutnya termasuk tetapi tidak tertakluk kepada perlantikan Penerima-Penerima dan Pengurus-Pengurus dan perlaksanaan tugas-tugas bagi mana-mana Penerima-Penerima dan Pengurus-Pengurus yang dilantik, pengulungan, pelaksanaan atau prosiding timbang tara (selepas ini dirujukan sebagai "Perintah Sekatan dan Pengantungan tersebut") sementara mendapatkan kebenaran bagi skim cadangan tersebut daripada Mahkamah Yang Mulia atau sehingga Perintah selanjutnya;

3. Perintah Sekatan dan Pengantungan tersebut adalah terpakai dan sah untuk tempoh selama 90 hari dari tarikh perintah ini tidak menghiraukan apa-apa undang-undang atau penghakiman, dan akan mengikat mana-mana orang atau pihak-pihak yang terlibat yang bukan merupakan pihak-pihak kepada prosiding-prosiding ini, atau mana-mana prosiding-prosiding yang berhubungan.

4. Menurut Aturan 62 kaedah 5 di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, penyampaian sesalinan fotokopi Perintah Sekatan dan Pengantungan tersebut:

i. Ke atas kesemua pihak yang terjejas dengan Perintah Sekatan dan Pengantungan tersebut tanpa lampiran melalui pos berdaftar prabayar yang dialamatkan kepada alamat terakhir yang diketahui dan;

ii. Sekiranya pihak-pihak adalah merupakan pertubuhan yang diperbadankan keatas pertubuhan-pertubuhan yang diperbadankan atau pengarah-pengarah dan/atau pegawai-pegawai tersebut, tanpa lampiran melalui pos berdaftar prabayar yang dialamatkan kepada ibu pejabat atau pejabat utama pertubuhan-pertubuhan yang diperbadankan.

dan melalui pengiklanan Perintah Sekatan dan Pengantungan tersebut tanpa lampiran, sekali di dalam Bahasa Inggeris di akhbar New Straits Times dan sekali di dalam Bahasa Melaysia di akhbar Berita Harian dikira sebagai penyerahan yang sempurna dan cukup untuk Perintah Sekatan dan Pengantungan tersebut;

5. Penyampaian Perintah Sekatan dan Pengantungan tersebut dianggap serah dalam jangka masa dua (2) hari dari pengiriman Perintah Sekatan dan Pengantungan tersebut dan selepas penyiaran Perintah Sekatan dan Pengantungan tersebut di dalam akhbar yang disebutkan di atas DAN ADALAH AKHIRNYA DIPERINTAHKAN bahawa Pemohon-Pemohon diberikan kebebasan untuk memohon.

Bertarikh pada 10 haribulan Ogos 2005

Di luluskan seperti dipinda

Penolong Kanan Pendaftar
~~Timbalan Pendaftar~~
Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur 10/8/05

Untuk diluluskan,

.....
Tetuan Christie Soosay Nathan &
Associates

Deraf Perintah ini difailkan oleh Tetuan Christie Soosay Nathan & Associates, yang mempunyai alamat penyampaian di Suite 13-01A, Tingkat 13, Menara Mutiara Majestic, 15, Jalan Othman, Seksyen 3, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, peguamcara bagi pihak Pemohon.

77061_1.DOC